

# LIRIK LAGU PERJUANGAN MELAYU-ISLAM PATANI DALAM MEDIA BAHARU: SUATU ANALISIS

*(The Lyrics of Muslim Pattani Malay Patriotic Songs in the New Media: An Analysis)*

*Rahimah A. Hamid*  
imah@usm.my

*Md. Salleh Yaapar*  
mdsalleh@usm.my

*Syahidatul Munirah Badrul Munir*  
syaira90@yahoo.com

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.  
Tel.:+604-6533378

## Abstrak

Makalah ini membincangkan fungsi lirik lagu perjuangan dalam masyarakat Melayu-Islam Patani. Dalam kajian ini lirik lagu perjuangan yang disebarikan menerusi internet diteliti. Lirik lagu perjuangan ini bertujuan untuk membangkitkan semangat masyarakat Melayu-Islam Patani, sama ada yang masih menetap di Patani, ataupun yang telah berhijrah ke tanah asing. Diksi yang membakar semangat perjuangan dalam lirik yang dilagukan oleh segelintir insan seni dalam kalangan masyarakat Patani itu, kemudiannya disebarluaskan melalui alat media baharu seperti youtube, facebook dan blog, dengan hasrat agar suara mereka didengari sehingga ke seluruh pelosok dunia. Bagi kajian ini, teori Max Weber tentang autoriti atau kuasa, yang mencakupi aspek kewenangan, kekerasan seperti penggunaan senjata, dan juga karisma akan digunakan dalam penelitian lirik lagu tersebut. Pada akhirnya makalah ini menyimpulkan bahawa lirik lagu perjuangan berfungsi menyatukan masyarakat Melayu-Islam Patani untuk terus berjuang membebaskan tanah air, bangsa, bahasa dan agama mereka di wilayah bergolak di selatan Thailand.

Kata kunci: Patani, autoriti, lirik lagu perjuangan, media baharu, naratif pejuang-penjajah

### ***Abstract***

*This paper discusses the lyrics in the patriotic songs of the Malay-Muslim community in Pattani. This study examines the lyrics of patriotic songs that have spread through internet. The lyrics of these patriotic songs evoke the spirit of the Muslim Pattani Malay community, whether living in Pattani or whether they have migrated to foreign lands. The diction in these lyrics sung by a handful of artists from Pattani, and disseminated through new media tools such as youtube, facebook and blogs to make their voices heard to the people all around the world, aims to incite their fighting spirit. For this study, Max Weber's theory of authority or power, which includes aspects of authority, the use of violence as a weapon, and charisma, was applied. The research concludes that the song lyrics incite the Pattani Malay-Muslim community to continue to fight for the independence of their homeland, people, language and religion in the politically volatile area of southern Thailand.*

*Keywords: Pattani, authority, patriotic song lyrics, new media, freedom fighter-colonizer narrative*

## **PENDAHULUAN**

Orang Melayu-Islam di selatan Thailand mempunyai sejarah yang agak panjang. Mereka pernah memiliki kerajaan yang gemilang bernama Patani Darussalam. Namun, mereka kini berada di bawah pemerintahan Thai, iaitu di wilayah yang merangkumi provinsi Yala, Pattani, Narathiwat, dan Songkhla. Wilayah yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu-Islam ini telah melalui pelbagai konflik setelah diserahkan secara rasmi oleh British kepada pemerintah Thai pada tahun 1909. Konflik ini bertambah parah apabila dari semasa ke semasa tentera Siam-Thai yang mewakili kerajaan Siam di Bangkok sentiasa bertindak kejam terhadap masyarakat Melayu-Islam di selatan. Situasi tersebut berterusan hingga hari ini. Oleh itu, masyarakat Melayu Patani tidak putus-putus bangkit berjuang untuk menuntut bela atas kekejaman yang dilakukan oleh kerajaan Siam dan demi kemerdekaan tanah air mereka. Makalah ini akan meneliti konflik dan perjuangan tersebut dengan berlandaskan teori Max Weber (1968) tentang kuasa, wewenang, kekerasan dan karisma. Kesemua hal itu membentuk tipografi kuasa dalam teori Weber yang disebut oleh Scott (2003) sebagai mencakupi tiga aspek, iaitu (a) autoriti tradisional; (b) autoriti rasional-sah; dan (c) autoriti karismatik. Aspek tipografi yang bersesuaian akan dibincangkan dalam esei ini ketika meneliti penggunaan lirik lagu perjuangan oleh masyarakat Melayu-Islam Patani masa kini dalam menentang kuasa pusat mereka dan tentera Siam-Thai yang mewakili kerajaan Siam di Bangkok.

## LATAR SEJARAH

Sebelum jatuh ke tangan Siam secara rasmi pada tahun 1909, Patani merupakan sebuah kesultanan Melayu Islam yang hebat dan gemilang. Sejarah Patani bermula sebelum abad ke-15 lagi. Sebilangan sejarawan menyatakan bahawa kerajaan ini merupakan lanjutan daripada kerajaan Langkasuka. Langkasuka merupakan sebuah kerajaan Melayu terawal yang beragama Hindu-Buddha dan kewujudannya telah dibuktikan melalui catatan lama oleh para pedagang, terutamanya dari China (Mohd. Zamberi, 2007:17). Selepas keruntuhan kerajaan Langkasuka, kerajaan Patani telah dibangunkan di kawasan yang sama. Kerajaan Patani diasaskan oleh Pya Tu Nakpa daripada dinasti Seri Wangsa. Pya Tu Nakpa menukar namanya kepada Sultan Ismail Syah Zirullullah fil a` Alam sebaik-baik sahaja baginda memeluk agama Islam (Ahmad, 2008:18). Bagindalah yang memulakan proses pembangunan negeri Patani. Pemerintahannya diteruskan pula oleh anakanda baginda, iaitu Sultan Mudaffar Syah. Patani kemudiannya berkembang maju dan menjadi tumpuan para pedagang asing. Agama Islam juga berkembang pesat seiring dengan pembangunan negeri tersebut, sehinggalah Patani muncul sebagai negeri yang agung dan berkuasa pada sekitar abad ke-16 hingga ke-18, iaitu zaman pemerintahan ratu Patani. Negeri Patani berajakan raja perempuan apabila tampuk pemerintahan Patani diambil alih oleh empat orang ratu secara berganti setelah berlakunya beberapa tragedi pembunuhan terhadap waris raja lelaki. Pada zaman pemerintahan ratu Patani, kemakmuran telah dapat dicapai dengan pesatnya disebabkan faktor kesuburan buminya dan kemajuan sektor perdagangannya. Teeuw dan Wyaat (Mohd. Zamberi, 2006:122) menyatakan bahawa Patani berada di puncak kegemilangannya semasa diperintah oleh raja perempuan yang bermula dengan Ratu Hijau dan diikuti oleh Ratu Biru, Ratu Ungu dan Ratu Kuning. Kemajuan yang dicapai oleh Patani itu telah menjadikannya sebuah negeri yang berpengaruh dan beransur-ansur berkembang selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka di tangan penjajah Eropah (Portugis, Belanda dan Inggeris) yang bermula pada tahun 1511 itu.

Kemangkatan Ratu Kuning, yang juga dikenali sebagai Marhum Besar, telah menjadi petanda berakhirnya pemerintahan beraja di Patani daripada dinasti Seri Wangsa kerana Ratu Kuning tidak mempunyai waris untuk meneruskan tampuk kepimpinannya. Walau bagaimanapun, institusi beraja tidak dibiarkan mati begitu sahaja. Anak raja dari Kelantan telah diangkat menjadi raja Patani. Darah warisan Kelantan sebagai raja Patani ini berterusan hinggalah kepada Sultan Abdul Kadir Kamaruddin menjadi raja terakhirnya. Peralihan pemerintahan daripada dinasti Seri Wangsa kepada dinasti Kelantan juga telah memperlihatkan keruntuhan kerajaan Melayu Patani. Keruntuhan ini dikatakan berpunca daripada tekanan yang dikenakan

oleh Siam dan pengaruh kuasa Eropah, terutamanya British, yang menguasai Semenanjung Tanah Melayu pada waktu itu, khususnya dalam aspek perdagangan dan penjajahan.

Serangan yang dilakukan oleh kerajaan Siam pada tahun 1786, semasa zaman Chakri atau Rama I, telah berjaya melumpuhkan Patani yang sebelumnya telah berkali-kali menerima beberapa siri serangan daripada kerajaan Siam yang berpusat di Ayuthia (Ahmad, 2000:20). Sejak itu, Patani telah hilang kedaulatannya sebagai sebuah kerajaan Melayu-Islam yang agung. Kerajaan Siam juga telah berjaya melenyapkan pemerintahan raja-raja Melayu di Patani melalui pelbagai tipu muslihat. Bagi mengabsahkan kekuasaan Siam terhadap Patani, satu perjanjian telah ditandatangani oleh Siam dengan British pada tahun 1909. Perjanjian Bangkok atau Anglo Siam ini berjaya membahagikan Semenanjung Tanah Melayu kepada dua bahagian yang berasingan. Bahagian Selatan diputuskan sebagai tertakluk di bawah pengaruh British, manakala bahagian Utara telah diserahkan sepenuhnya oleh British kepada Siam. Keadaan ini menyebabkan Patani yang asalnya sebahagian daripada Tanah Melayu itu menjadi mangsa dasar imperialistik kerajaan Siam pada akhir abad ke-18 (Nik Anuar, 2006:29). Bermula dengan detik itu, Patani melalui sejarah yang penuh dengan liku dan cabaran setelah berada di bawah pemerintahan kuasa pusatnya, iaitu kerajaan Siam di Bangkok.

## **PERJUANGAN MENENTANG PENJAJAH**

Kini kebanyakan masyarakat dunia melihat Patani sebagai sebahagian daripada wilayah Siam yang sah. Walau bagaimanapun, bagi orang Melayu Patani, mereka berasa bahawa mereka bukanlah sebahagian daripada Siam, sebaliknya sedang dijajah oleh kuasa Siam yang berpusat di Bangkok itu. Penjajahan oleh Siam terhadap Patani yang terjadi sejak akhir abad ke-18 itu masih dianggap masyarakat Patani sebagai suatu bencana dan tidak dapat diterima oleh mereka. Perjanjian Bangkok yang termeterai pada tahun 1909 hingga menjadikan Patani kekal sebagai “the Siamese Malay State” bukanlah atas pilihan orang Melayu Patani, tetapi atas kehendak kerajaan British dan Siam (Nik Anuar, 2011: 29). Orang Patani berasa mereka masih merupakan rakyat tanah jajahan dalam dunia moden abad ke-21. Lantas sehingga kini, pertumpahan darah masih terus berlaku akibat pertembungan pendapat tentang kuasa antara tentera Siam yang mewakili kuasa pusat dengan tentera pemisah Melayu Patani yang berada di pinggir. Orang Melayu sedaya-upaya mahu membebaskan Patani daripada kekuasaan Siam dan dapat tegak kembali menjadi negara ketuanan Melayu-Islam yang merdeka dan berdaulat.

Meskipun begitu, perjuangan mereka bukannya satu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Siam yang menganggap dirinya sebagai kuasa pusat yang sah dalam mentadbir Patani telah bertindak sebagai satu kuasa dengan *imperative control* yang harus dipatuhi. Menurut Max Weber (1968:15-16), “*imperative control is the probability that a command with a given specific content will be obeyed by a given group of persons.*” Maksudnya, dalam situasi ini wujud kawalan utama daripada suatu kuasa pusat yang perlu dipatuhi oleh orang yang dikawal. Dalam kes Patani, tipografi Weber tentang kuasa sesuai sekali dilihat dan dibincangkan dalam makalah ini kerana pertama, autoriti tradisional (*traditional authority*) misalnya memperlihatkan cara seorang individu itu mempunyai kuasa untuk membuat legitimasi. Menurut Fineman dan rakan-rakan (2005:104), autoriti tradisional ini memperlihatkan seorang pemimpin yang mewarisi suatu kuasa secara perwarisan mempunyai wewenang memegang autoriti untuk membuat legitimasi. Dalam kes Patani ini, hal ini dirujuk kepada raja Siam sebagai pemegang kuasa tradisional yang mempunyai autoriti terhadap orang yang diperintahnya untuk mengikuti segala kehendaknya. Sejarah telah memperlihatkan bahawa sejak zaman-berzaman lagi, raja-raja Siam yang berpusat di Bangkok itu memang mahu meletakkan autoritinya terhadap negara berdaulat Patani. Sementelahan, dalam agama Buddha pula, raja ialah bayangan Tuhan di dunia, iaitu berdasarkan konsep “dewa raja” dalam tradisi perajaan Hindu-Buddha (lihat Barthold, 2003:851). Maka, orang Siam dilihat cuba melaksanakan autoriti tradisional rajanya itu terhadap masyarakat Patani.

Kedua, autoriti rasional-sah (*rational-legal authority*) yang bertolak daripada pegangan bahawa “legaliti” merupakan suatu peraturan normatif dalam isu berkenaan arahan dan ketaatan mematuhi arahan. Hal ini bermakna perintah atau arahan harus dipatuhi selagi kelompok yang diperintah konsisten dengan peraturan tersebut. Autoriti rasional-sah ini disebut oleh (lihat Tolbert dan Hall, 2009:37) sebagai mempunyai pengaruh yang besar dalam organisasi kontemporari kerana orang yang mempunyai autoriti memiliki kebenaran (*right*) untuk melaksanakan kuasa terhadap subordinat ataupun orang bawahan mereka. Jika dikaitkan teori Weber ini dengan situasi di Patani, maka orang yang mempunyai autoriti rasional-sah di Thailand itu dalam mengenakan kuasa mereka terhadap masyarakat Patani ialah ahli politik pemerintah dan juga pasukan tentera mereka. Oleh itu, mereka ini telah melakukan pelbagai tekanan dan kekerasan terhadap masyarakat Patani.

Ketiga, autoriti karismatik (*charismatic authority*) yang merujuk kepatuhan seseorang individu yang boleh dicontohi. Individu yang memegang autoriti seperti ini akan menunjukkan ciri pemerintahan dalam corak normatif ataupun peraturan tertentu dengan kualiti luar biasa hingga arahan pemimpin berkenaan tidak boleh diramalkan dan mungkin tidak terkawal (lihat Fineman dan rakan-rakan

(2005:106). Dalam kes Patani, orang yang memiliki autoriti karismatik dalam mengenakan perintahnya yang kadangkala di luar dugaan (misalnya kes tragedi Takbai) ialah pegawai tentera, ahli politik pemerintah, perdana menteri ataupun raja.

Sehubungan dengan teori Weber ini, kerajaan Siam dilihat telah mengenakan dominasinya terhadap Patani dengan mengawal aspek fizikal dan sosiopolitik wilayah itu secara berperingkat-peringkat, iaitu dengan cara membahagikan bumi Patani kepada beberapa wilayah kecil atas dasar pecah dan perintah. Kini Patani menjadi sebuah wilayah Thai di selatan dan terpecah-pecah kepada Songkhla, Yala, Narathiwat dan Pattani. Perkara ini telah membangkitkan kemarahan dan penentangan dalam kalangan masyarakat Patani di wilayah tersebut. Namun, sesuai dengan dasar penjajahannya, hal ini tidak diambil peduli oleh setiap orang yang memiliki autoriti tradisional, autoriti rasional-sah dan autoriti karismatik seperti yang disebut oleh Weber dalam teorinya itu. Orang yang memiliki autoriti itu (yang dipermudah dengan sebutan kerajaan atau pemerintah Siam sahaja) di pusat kuasa di Bangkok itu dilihat mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan setiap perkara, dan rakyat Patani wajib patuh terhadapnya. Keadaan ini bertepatan sekali dengan pendapat Weber (1968:15) yang mendefinisikan kuasa itu sebagai:

*... power is the probability that one actor within a social relationship will be in a position to carry out his own will despite resistance, regardless of the basis on which this probability rests.*

Maknanya bagi Weber, kuasa itu apabila seseorang itu mengenakan kehendaknya terhadap orang lain kerana kedudukannya, seperti yang dijelaskan melalui ketiga-tiga jenis autoriti di atas, tanpa mengira wujudnya penentangan daripada pihak yang dikenakan kehendak tersebut. Dalam konteks seperti inilah konflik antara masyarakat Melayu Patani dengan Siam, yakni antara pusat dengan pinggir, terus berlaku dari dahulu sehinggalah sekarang. Konflik yang berterusan itu menjadi semakin meruncing kerana masyarakat Melayu-Islam Patani berasa lebih baik berjuang atau berjihad menentang dan membalas serangan tentera Siam-Thai daripada duduk berdiam diri dengan berpeluk tubuh sahaja. Hal ini demikian kerana jika mereka hanya duduk berpeluk tubuh sahaja pun umat Melayu Patani pasti tetap ditindas oleh kuasa Siam yang berpusat di Bangkok itu.

Seterusnya, kebangkitan anak watan Patani untuk berjihad menentang kuasa pusat mereka dan mengembalikan bangsa mereka kepada jagat Melayu juga timbul kerana doktrin “siamisasi” yang dipraktikkan di wilayah selatan Thailand, bermula pada tahun 1970-an [Muqollid, 2009. <http://satuqiblah.blogspot.com/2009/11/sejarah-perjuangan-islam-pattani.html>]. Doktrin “siamisasi” yang berlangsung di

semua sekolah jenis kebangsaan di Thailand itu telah melupakan kisah sebenar Patani daripada diketahui oleh generasi baharu di negara itu. Oleh yang demikian, hanya anak muda yang bersekolah di sekolah pondok sahajalah yang masih terjaga jati dirinya sebagai bangsa Melayu beragama Islam di Patani. Mereka ini dididik menggunakan kitab lama (kitab kuning), diterapkan dengan sejarah perjuangan bangsa dan kerajaan Melayu Patani, dikisahkan tentang zaman kegemilangan bangsa Melayu Patani dan diajar menuturkan bahasa Melayu oleh para ulama yang menguruskan sekolah pondok. Pada masa ini masih terdapat sekitar lebih kurang 500 buah sekolah pondok di bumi Patani (temu bual dengan Tuan Tuwaedaniya Meringing di Hotel Park View Pattani, pada 10.30 pagi, 26 Julai 2013). Namun begitu, amat mengecewakan sekali kerana dalam masa 15 tahun kebelakangan ini, sekolah-sekolah pondok juga akhirnya telah diganggu hak keistimewaannya apabila beberapa buah sekolah pondok di selatan Siam diarahkan supaya menerima dan mengajar sistem dan kurikulum yang dibentuk oleh kuasa pusat. Hal ini menunjukkan autoriti rasional-sah telah dipaksakan terhadap masyarakat Patani melalui sistem pendidikan. Keadaan ini menyebabkan ketegangan hubungan antara pejuang Patani dengan penjajahnya menjadi semakin tegang.

Oleh itu, apabila ada guru berbangsa Melayu-Islam Patani yang rela menjadi tenaga pengajar di sekolah jenis kebangsaan yang dikendalikan oleh penjajah, maka mereka itu akan dibunuh oleh pihak pejuang (temu bual dengan Tuan Tuwaedaniya Meringing di Hotel Park View Pattani pada 10.30 pagi, 26 Julai 2013). Hal ini terjadi kerana guru itu dianggap sekular dan telah lekang jati dirinya kerana sanggup menjadi tali barut Siam dengan mengajarkan kurikulum dan sejarah Siam yang dibentuk oleh kuasa pusat mereka. Pihak pinggir sama sekali tidak dapat menerima perlakuan segelintir guru Melayu-Islam Patani itu yang sanggup menjadi petualang kepada bangsa mereka sendiri. Perlakuan menerima arahan kuasa pusat itu bagi masyarakat pinggir di Patani ini dianggap sebagai penjajahan mentaliti yang kelak boleh melumpuhkan sama sekali saki baki jati diri yang masih melekat pada diri mereka sebagai bangsa Melayu-Islam Patani. Oleh sebab itulah mereka bersungguh-sungguh mempertahankan sekolah pondok yang kurikulumnya dibentuk berasaskan tulisan Jawi, ilmu al-Quran dan juga al-hadis, kerana bagi mereka inilah satu-satunya cara untuk menanamkan jati diri dan menghidupkan kembali kegemilangan masa silam yang pernah digapai oleh leluhur mereka.

Tindakan pejuang Patani yang berani menentang penjajah mereka ini sudah tentu dibalas dengan hebat oleh kuasa pusat itu, sama ada melalui serangan fizikal ataupun serangan mental. Mereka ternyata mula mengenakan ketiga-tiga jenis autoriti seperti yang tersebut dalam teori Weber itu. Hal ini demikian kerana sudah terpahat dalam undang-undang penjajah bahawa mereka memiliki kuasa mutlak,

biarpun kekuasaan mereka sebenarnya hanyalah bersandarkan kekuatan fizikal yang dimiliki oleh angkatan bersenjata mereka. Hakikatnya, mereka masih tidak berupaya menghapuskan jati diri masyarakat Melayu-Islam di wilayah selatan Thailand ini. Oleh sebab itulah S.D. Chamola dalam Douglos McGregor (2007:82), yang memerihalkan berkenaan X (yang menjajah) dan Y (yang dijajah) menyebut perkara ini sebagai berikut, iaitu *“because of these human characteristics most people must be coerced, controlled, directed and threatened with punishment to get the objective to be achieved.”* Maknanya, yang menjajah (kerajaan Thai) perlu menyerang dan mengawal ketat yang dijajah (masyarakat Melayu-Islam Patani) dengan cara kekerasan, supaya matlamat mereka untuk menyatupadukan rakyat di bawah pemerintahan kuasa pusat itu akan tercapai sepenuhnya.

Apabila pihak pejuang tidak dapat menerima pegangan dan tindakan penjajah mereka itu, maka mereka dikenakan autoriti karismatik dengan pelbagai tindakan luar dugaan terhadap masyarakat Patani. Sebab itulah berlakunya kejadian berbalas-balas serangan dan pertumpahan darah yang tidak putus-putus. Para ulama yang bertegas mahukan sekolah pondok dikekalkan dengan kurikulum pembelajaran turun-temurun telah dibunuh, sementara imam masjid atau surau ditembak (temu bual dengan Tuan Tuwaedaniya Meringing di Hotel Park View Pattani pada 10.30 pagi, 26 Julai 2013). Oleh itu, kumpulan berani mati bingkas bangkit untuk membalas kembali kekejaman penjajah itu terhadap mereka dengan cara menyerang kembali tentera yang didatangkan oleh kuasa pusat ke wilayah mereka. Lebih dahsyat lagi, mereka turut menyerang sekolah kerajaan dengan menyasarkan serangan terhadap guru berbangsa Melayu dan beragama Islam yang dianggap dengan rela hati telah menerima dan mengajar kurikulum Siam yang dibangunkan oleh kuasa pusat itu. Bagi masyarakat pejuang, guru sebangsa dengan mereka itu juga penjarah kerana sanggup menjadi alat kepada penjajah bagi memadamkan sejarah peradaban Melayu-Islam Patani yang telah terbina dengan gemilang pada zaman dahulu (temu bual dengan Tuan Tuwaedaniya Meringing di Hotel Park View Pattani pada 10.30 pagi, 26 Julai 2013).

Hal ini menunjukkan tindakan kerajaan Siam menjadikan negaranya sebagai kuasa pusat dan mengenakan hegemoninya dan ketiga-tiga bentuk autoritinya terhadap Patani sejak tahun 1786 sehinggalah kini tidak berhasil melumpuhkan semangat juang masyarakat Melayu-Islam Patani untuk mengembalikan kedaulatan agama, bangsa, dan negara yang mereka cintai. Mereka tetap yakin dan bersemangat untuk menegakkan kembali kerajaan Melayu-Islam Patani Darussalam. Untuk itu, kaum wanita turut digemblengkan tenaga mereka untuk menegakkan negara bangsa Melayu-Islam Patani Darussalam yang merdeka, meskipun mereka sedar bahawa nyawa setiap orang daripada mereka yang berjuang itu ibarat “telur di hujung



tanduk.” Hal ini dapat dilihat melalui temu bual dengan Tuwaedaniya Meringing (temu bual pada 26 Julai 2013, jam 10.30 pagi di Hotel Park View Pattani), dalam petikan di bawah:

Pada tahun 1975, telah berlaku demonstrasi terbesar di Patani yang mengambil masa selama empat puluh lima hari, dan melibatkan hampir setengah juta penduduk Islam. Demonstrasi tersebut berlaku kerana sebelumnya, tentera Siam telah menyerang kawasan Patani sehingga menyebabkan lima orang terbunuh. Demonstrasi oleh umat Islam yang dilakukan secara aman tanpa melibatkan sebarang keganasan itu akhirnya tetap menyebabkan kematian, apabila sewaktu mereka sedang solat Maghrib, tentera Siam telah melancarkan serangan bom. Semenjak itu, demonstrasi di Siam sering kali diambil alih oleh golongan wanita, kerana tentera Siam dilarang mengganggu wanita, dan demonstrasi oleh wanita jarang mengakibatkan pertumpahan darah.

Penentangan terhadap kuasa pusat dengan melibatkan kaum wanita ini pada hakikatnya masih belum dapat menyamarkan kesan siamisasi kuasa pusat terhadap generasi muda Patani. Oleh itu, pada hari ini dapat dilihat wujudnya dua kelompok generasi muda Patani, iaitu satu kelompok yang masih kukuh berpegang kepada ajaran Islam dan mahu mengembalikan ketuanan Melayu-Islam Patani, dan satu kelompok lagi yang tidak tahu apa-apa tentang sejarah budaya leluhurnya. Generasi yang tidak tahu apa-apa ini samalah dengan remaja di negara lain juga yang lemah jati dirinya akibat dipengaruhi gejala hedonisme Eropah. Mereka ini memandang enteng akan usaha anak watan Patani yang mahu mempertahankan warisan dan mewujudkan kembali kerajaan Melayu-Islam Patani Darussalam. Bagi mereka, anak watan yang hidup dalam impian begitu ialah pemberontak terhadap kuasa pusat dan akhirnya menjadi punca kepada pertumpahan darah. Hal ini dapat dilihat melalui kata-kata Tuan Wan Muhammad (Baba Ding atau Bedin), iaitu seorang ulama, penyair dan pengetua salah sebuah sekolah pondok di Patani sewaktu temu bual dengannya pada 23 Julai 2013, jam 3.30 petang di Pondok Padang Ru, Yala, Thailand, ketika penulis melaksanakan kerja lapangan di sana:

Lantaran anak-anak muda ini kebanyakannya mendapat pendidikan di sekolah jenis kebangsaan, mereka ini sememangnya tidak lagi mengetahui sejarah Patani mahupun Langkasuka, jauh sekali mengenali sejarah kegemilangan bangsa Melayu Raya. Sebilangan besar generasi muda ini sudah tidak fasih berbahasa Melayu. Apabila mereka diancam dengan pertumpahan darah, suatu perkara yang mereka yakini adalah umat Islam penentang kerajaan. Bermaksud, imej Melayu-Islam dilihat sebagai bangsa yang kuat memberontak dan ingkar akan arahan pihak berkuasa.

Hal ini menunjukkan kelompok generasi muda ini telah berjaya disiamisasikan, khususnya melalui autoriti sah-rasional, hingga menyebabkan tinggal satu kelompok sahaja lagi yang masih boleh diharapkan untuk mendukung wacana anak watan Patani bagi mewujudkan negara bangsa Melayu-Islam Patani yang merdeka.

## **PERJUANGAN MELALUI MEDIA BAHARU**

Kelompok generasi muda Patani yang memahami sejarah ini adalah antara anak watan Melayu-Patani Islam yang bangkit berjuang menyuarakan penentangan mereka terhadap segala bentuk autoriti penjajahnya itu dengan menggunakan kaedah baharu, selain menggunakan kekerasan dengan mengangkat senjata. Sebagai generasi muda, sebahagian daripada mereka telah menggunakan alat teknologi media baharu yang mampu menjadi saluran penyebar maklumat yang pantas dan berpengaruh. Salah satu cara yang dipraktikkan mereka adalah dengan menulis lirik puisi perjuangan, mendendangkannya dan memuatnaikkan ke dalam youtube sebagai lagu perjuangan untuk membangkitkan semangat para pejuang Patani, sama ada mereka itu masih menetap di Patani, ataupun telah berhijrah ke tanah asing.

Puisi perjuangan ini dilihat sebagai satu saluran perjuangan orang Melayu-Islam Patani bagi menentang segala bentuk autoriti kerajaan Siam yang berpusat di Bangkok terhadap mereka. Karya yang mereka cipta ini dapat dikategorikan sebagai hasil kesusasteraan pascakolonial kerana kesusasteraan pascakolonial itu bermaksud suatu hasil karya kesusasteraan yang memperlihatkan reaksi anak watan terhadap wacana dan tindakan kolonialnya (Rahimah, 2010:4). Jika suatu masa dahulu kuasa kolonial itu merupakan penjajah Eropah, namun dalam konteks Patani, penjajahnya ialah kerajaan Siam. Ciri-ciri pascakolonial muncul apabila pengarang puisi perjuangan ini telah menggunakan karya mereka sebagai alat untuk berdialog dan menyuarakan penentangan terhadap kuasa pusat. Berdialog dan menyuarakan penentangan bermaksud mempersoalkan dan mencabar pandangan penjajah (kuasa pusat) terhadap mereka. Dalam erti kata lain, anak watan Patani bertindak mempertikaikan wacana dan perlakuan kuasa pusatnya yang berasa mereka mempunyai kuasa dalam serba-serbi hal, lantas berhak melakukan apa sahaja terhadap anak watan yang dijajahnya. Oleh itu, pejuang Melayu-Patani Islam ini telah bangun membantah akan kewenangan sikap kuasa pusat yang mengenakan hegemoni mereka terhadap mereka yang tiada daya upaya yang mencukupi dari segi kekuatan fizikal dan keampuhan senjata untuk menentang penjajah mereka.

Pernyataan penentangan pejuang Patani dengan menggunakan lirik puisi atau lagu perjuangan ini mempamerkan dengan jelas reaksi mereka terhadap penjajah.

Mereka berasa benci dan marah terhadap kerajaan Siam kerana dasar imperialisme dan proses “siamisasi”nya terhadap Patani telah menyebabkan sebahagian anak watan Patani kehilangan jati dirinya, rapuh pegangan agamanya dan terhakis kecintaannya terhadap bahasa ibundanya. Mereka juga menjadi watak tertawan dan tertindas, di samping sukar memajukan aspek sosioekonomi mereka. Kemarahan mereka semakin meluap-luap apabila penjajah mereka di Bangkok itu mengenakan autoriti tradisional, autoriti sah-rasional dan autoriti karismatik sekali gus dalam usaha “mensiamkan” orang Melayu dan “membuddhakan” orang Islam. Hal ini merupakan suatu bentuk penjajahan dalaman yang ternyata jauh lebih kejam daripada penjajahan luaran (lihat Hasanudin, 2007:189). Hal inilah yang menjadi antara sebab perjuangan menuntut kemerdekaan di Patani itu tidak pernah berhenti. Lirik lagu perjuangan yang dihasilkan oleh anak watan Patani ini dilihat mempunyai kemampuan untuk meningkatkan semangat juang dan kesedaran dalam kalangan mereka untuk menentang wacana kuasa pusat itu terhadap mereka.

Kebanyakan lirik lagu perjuangan yang akan dibincangkan ini telah disebarluaskan melalui alat media massa elektronik seperti youtube dan juga facebook kerana mereka berhasrat agar suara perjuangan mereka sampai ke seluruh pelosok dunia. Alat media sosial seperti ini telah digunakan dengan meluas oleh pejuang Melayu-Patani kerana mereka tidak diberikan ruang dan peluang untuk menyuarakan perasaan mereka dalam media arus perdana di tanah tumpah darah mereka. Hal ini demikian kerana media arus perdana itu dikawal sepenuhnya oleh kuasa pusat.

Menurut salah seorang aktivis media sosial yang menggunakan akaun facebook dengan nama “Patani Kini Tuntutan Rakyat,” “media sosial yang kini amat berpengaruh dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya, malah lebih pantas dan luas pengaruhnya” (<https://www.facebook.com/ahlam.hafiza?fref=ts>). Pemilik akaun facebook ini turut menyatakan bahawa dia tidak lagi kesal dengan tindakan kerajaan Siam yang tidak membenarkan mereka bersuara di media arus perdana Siam kerana kesan penggunaan facebook dan youtube sebagai alat media sosial jauh lebih berpengaruh.

Hal ini bermakna, ledakan teknologi maklumat ini seolah-olah menjadi penyelamat kepada para pejuang Melayu-Islam Patani yang telah dinafikan hak untuk bersuara oleh penjajah mereka. Laman sosial seperti facebook dan youtube ternyata menjadi wahana yang membantu mereka menyebarkan maklumat dengan lebih pantas, meluas dan berkesan. Malah, teknologi media sosial ini dengan pelbagai variasi aplikasinya seperti video dan audio telah membolehkan mereka memuat naik lagu dengan lirik yang mampu merangsang emosi, membangkitkan dan menyemarakkan semangat juang masyarakat Melayu-Islam Patani. Media sosial ini juga membolehkan mereka menyebarkan kisah sebenar yang mereka

alami. Oleh itu, pengguna media baharu dalam kalangan masyarakat pinggir ini dapat menyampaikan ideologi ataupun maklumat tentang kejadian pertempuran yang berlaku antara mereka dengan penjajah mereka melalui rakaman gambar atau audiovideo, dengan dibantu oleh paparan lirik puisi atau seni kata lagu itu. Golongan pejuang ini percaya bahawa alunan muzik mampu memberikan kesan psikologi yang mendalam kepada pendengarnya. Malah bagi mereka, ujaran rasa melalui bait-bait kata dalam lirik lagu yang mereka sampaikan itu dapat memperjelas rasa sebenar yang terbenam dalam kalbu mereka. Kemampuan lagu untuk menyampaikan rasa ini disokong oleh kata-kata Inayat Khan dalam bukunya *Handbook of New Religions and Cultural Production* (2012: 670), iaitu:

*Music too continued to be a significant aspect of spiritual teachings. It emphasised the healing and transformative quality of sacred song, especially as a factor in awakening the soul toward the spiritual goal of uniting with God.*

Hal tersebut dapat dilihat melalui salah satu lirik lagu perjuangan masyarakat Melayu-Islam Patani oleh Mohamad Riduan Muhammad dari Sungai Bang Lang yang termuat dalam media sosial youtube (<http://www.YouTube.com/watch?v=hkq0p0Iko-Y>), iaitu seperti yang berikut:

“Impian Patani”

Kami seorang pelajar  
datang pada anak selatan  
kami hendak belajar  
tujuan berbakti  
orang tua dipesan  
katamu jangan terlupa  
moga tanpa bencana  
tempat ibu pertiwi kita  
Dalam cabaran ini  
banyak dugaan  
di bumi Patani  
limpah dengan kesedihan  
kini masa untuk kita

bangkit kebebasan  
menegak agama dan bangsa  
untuk kita terus berjuang  
demi bumi Patani yang suci

Menurut Afifuddin Abu Hassan, iaitu seorang pemuzik di Akademi Seni dan Warisan Negara (ASWARA) (temu bual pada 30 Mac 2014, jam 2.30 petang di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang), lagu “Impian Patani” ini disampaikan dalam irama nasyid, dengan menggunakan rentak pop balada. Jika diteliti, patah-patah kata yang dicoretkan menjadi lirik lagu di atas pula jelas memperlihatkan pencipta lagu ini bukannya menulis berasaskan bahasa sastera tinggi. Pilihan diksinya juga tidak menggunakan bahasa yang muluk-muluk. Dengan kata-kata yang prosaik sifatnya dan tidak tersusun tatabahasanya, penulis lirik ini menyatakan mereka ialah anak selatan Thailand atau Patani yang mahu menuntut ilmu kerana dengan ilmu mereka dapat memperjuangkan kebebasan tanah air, menegakkan agama dan membela bangsa. Tatabahasa yang rancu itu ternyata terhasil daripada proses penjajahan dan tindakan “siamisasi” yang telah melemahkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Oleh yang demikian, diksi yang dipilih untuk membentuk lirik lagu itu yang mudah-mudah sahaja. Ayat-ayat yang dibentuk yang janggal dari segi tatabahasanya itu boleh diteliti melalui ungkapan berikut, iaitu “orang tua dipesan” (baris 5, rangkap 1). Sepatutnya, ayat itu ditulis sebagai “orang tua berpesan”. Sementara itu, “katamu jangan terlupa” (baris 6, rangkap 1), sepatutnya ditulis “katanya jangan dilupa”.

Walaupun pilihan dan cantuman diksi untuk membentuk ayat itu salah dari segi jalan bahasanya, namun diksi yang diujarkan itu dapat difahami dengan baik dalam kalangan masyarakat pejuang Melayu-Islam Patani itu untuk mencapai maksud yang mereka inginkan, iaitu mengikat janji untuk berbakti kepada nusa dan bangsa. Mereka yakin dengan menjadi orang pendidikan tinggi, mereka dapat melaksanakan tanggungjawab membebaskan negara, agama dan bangsa mereka daripada cengkaman penjajah. Oleh itu, setiap patah lirik yang ditulis oleh pejuang anak watan Melayu-Islam Patani ini telah diadunkan dengan nyanyian, muzik, dan rekaan visual yang memperlihatkan seruan dan harapan supaya mereka bersatu melawan penjajah. Memandangkan laman sosial mempunyai kesan yang kuat untuk berfungsi sebagai medium perhubungan, maka kaedah menyatakan perasaan melalui laman sosial ini dilihat mampu menarik simpati dan perhatian masyarakat di luar Siam. Buktinya, dalam ruangan maklum balas pembaca, beberapa orang pembaca dari Malaysia dan Indonesia yang telah memberikan kata-kata semangat dan sokongan yang padu

terhadap perjuangan menentang penjajahan Siam terhadap masyarakat Melayu-Islam Patani ini sebaik-baik sahaja “status” atau pernyataan tentang lirik dan lagu ini dimuat naik dalam laman sosial facebook dan juga blog. Hal ini memperlihatkan bahawa usaha mereka berjaya dari segi mendapatkan sokongan moral dan simpati daripada masyarakat Islam di luar Thailand terhadap nasib yang menimpa mereka.

Berkenaan penglibatan wanita sebagai pejuang masyarakat pinggir terhadap penjajah mereka di Bangkok itu, maka ditemui banyak sekali blog, facebook dan youtube yang memperlihatkan peranan dan perjuangan wanita di Patani. Golongan wanita Melayu-Islam Patani ini kelihatan tidak ragu-ragu berjuang dan berjihad seiring dengan golongan lelaki. Mereka bangkit melakukan demonstrasi, malah turut menyebarkan perasaan melalui media sosial, misalnya dengan menyanyikan lagu “Bunga Fathoni” seperti yang tertera dalam lirik di bawah:

Bangun, bangunlah bangsaku  
sambut seruan Ilahi  
kehidupan yang diperjuangkan  
jadikan ia lebih bererti

Titik tolak kemerdekaan  
jadikan tangkal azimat  
untuk mengharungi perjuangan  
yang masih belum selesai

Ayuh, ayuh bangsaku  
kita eratkan tali persaudaraan  
menempah masa hadapan  
jadikan cemerlang, gemilang, terbilang  
Beramal bertakwa asas keimanan  
bersatulah asas kehidupan  
berusahalah asas kejayaan  
bermuafakat asas perpaduan

Bacaan Puisi:

jika perjuangan yang belum selesai

bererti bangsaku terus merindui  
cemerlang, gemilang, dan terbilang  
dan ia akan terus terkubur  
bersama Melayu mudah lupa  
jadikan sempadan, wahai bangsaku  
marilah bangsaku  
kita rapatkan hubungan sesama kita  
demi menafikan Melayu mudah lupa  
serta merealisasikan perjuangan  
yang belum selesai  
demi melahirkan bangsaku  
cemerlang, gemilang, dan terbilang.

([http://www.YouTube.com/watch?v=lTw\\_CIYR3d0](http://www.YouTube.com/watch?v=lTw_CIYR3d0))

“Bunga” ternyata suatu simbol klasik bagi wanita. Maka bunga Fathoni ialah lambang kepada wanita Patani yang bukan sahaja tampil sebagai pejuang, tetapi juga golongan yang melahirkan para pejuang Patani.

Jika diteliti, lagu “Bunga Fathoni” ini dinyanyikan beramai-ramai menggunakan irama nasyid patriotik, dengan rentak *marching* dan dimuatnaikkan ke dalam youtube dua kali oleh dua orang yang memakai nama samaran “Anak Patani” dan “Bunga Tai-pan.” Menurut Afifuddin Abu Hassan, (temu bual pada 30 Mac 2014, jam 2.30 petang di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang), rentak *marching* memang sesuai digunakan kerana dapat membangkitkan semangat juang pada penyanyi dan khalayak yang mendengarnya kerana kecepatan bitnya. Kemudian, pilihan dan susunan diksi dalam lirik dan puisi di atas juga kelihatan lebih baik daripada lirik lagu sebelumnya. Tampak wujudnya kesatuan kata-kata dengan makna yang diharapkan untuk menyemarakkan semangat juang masyarakat Melayu-Islam Patani itu, tanpa mengira sama ada mereka lelaki atau perempuan; dan masih tinggal di Patani ataupun sudah melakukan diaspora di tanah asing.

Walau bagaimanapun, sama seperti lirik dan lagu sebelumnya, tema dan konsep lagu perjuangan Patani ini adalah serupa, iaitu menyeru masyarakat pinggir untuk terus mengekalkan perjuangan mereka selagi kudrat atau nafas masih ada. Hal ini

demikian kerana golongan pejuang ini yakin bahawa mereka masih mempunyai peluang untuk merebut semula tanah air yang tercinta daripada penjajah mereka itu. Bagi mereka, setiap saat sangat berharga untuk mencapai impian. Rangkap pertama dan kedua dalam lirik di atas memperlihatkan perjuangan menentang penjajah ialah suatu jihad di jalan Allah SWT. Oleh itu, perjuangan yang telah dimulakan itu tidak boleh dihentikan pada pertengahan jalan kerana jika terjadi demikian, maka semuanya akan menjadi sia-sia belaka. Golongan wanita dalam masyarakat pejuang ini pula sedar bahawa pengaruh mereka begitu kuat kerana mereka mempunyai ruang dan peluang yang luas untuk menanamkan sifat cinta akan negara dan jati diri kepada generasi muda, memandangkan golongan lelaki harus pergi berjuang menentang penjajah dengan menggunakan tenaga fizikal. Penggunaan wanita sebagai anggota barisan hadapan perjuangan Patani kini dilihat cukup sesuai dengan keadaan semasa kerana pemerintah Siam tidak boleh mengenakan autoriti sah-rasional ataupun autoriti karismatik mereka secara kekerasan terhadap wanita dalam sistem perundangan Siam. Oleh itu, penggunaan wanita melalui lambang bunga dan juga melalui paparan video klip lagu ini dilihat secara halus telah mampu menyemarakkan semangat juang masyarakat Melayu-Islam Patani. Lagu perjuangan yang dimuat naik ke dalam youtube ini telah mendapat perhatian pelbagai pihak dengan 91 758 kali paparan. Sebab itulah media sosial seperti youtube ini dikatakan mampu menjadi salah satu alat penentangan yang sesuai bagi masyarakat Patani untuk menentang penjajahnya.

Selain itu, sama seperti penggunaan bahasa yang kolokial sifatnya dalam lirik lagu yang dihasilkan, irama muzik para pejuang Patani melalui alam siber ini pun bukanlah menggunakan nahu muzik yang betul. Sebilangan besar daripada lagu yang dimuat naik oleh mereka menggunakan irama yang amat ringkas dan tidak berbunyi seperti lagu perjuangan pun. Dalam istilah muzik, irama yang digunakan ialah irama biasa dengan petikan gitar itu disebut sebagai *pluck-in* sahaja. Mereka juga menggunakan beberapa alat muzik tambahan dengan melodi bebas. Oleh itu, kelihatan seolah-olah bagi mereka, asalkan berbunyi seperti muzik sahaja dan boleh pula dimasukkan dengan kata-kata yang menggambarkan perasaan, itu sudah memadai. Bagi mengukuhkan pernyataan tentang perasaan yang ditanggung mereka kerana hegemoni penjajah mereka itu, maka ditonjolkan paparan grafik atau visual yang diyakini dapat menjerat perasaan khalayak yang menontonnya. Bagi masyarakat Patani, muzik itu bukan yang utama, tetapi yang lebih penting ialah kandungan grafik yang dilatari oleh muzik itu yang menyatakan penolakan mereka terhadap segala bentuk penguasaan autoriti pemerintah Siam seperti yang diujarkan Weber itu terhadap mereka.



Dalam erti kata lain, lirik dan rentak dalam penghasilan kebanyakan lagu perjuangan itu bukanlah perkara yang utama untuk menyatakan penentangan terhadap pusat; atau untuk menarik simpati masyarakat dunia, ataupun untuk membangkitkan semangat masyarakat pinggir untuk menentang kuasa pusat mereka itu. Sebaliknya, penonjolan gambar penderitaan mereka akibat penindasan penjajah Siam itulah yang lebih penting. Elemen lirik, irama dan rentak itu hanyalah sebagai pemikat untuk menarik perhatian khalayak agar menonton video yang memperlihatkan gambar yang menyayat hati seperti gambar orang awam ditembak, juga gambar kematian wanita, kanak-anak, para ulama, dan para pejuang akibat diserang hendap oleh penjajah mereka. Atas sebab inilah, pilihan diksi untuk menyatakan rasa batin mereka dilihat kurang mencengkam jiwa. Begitu juga dengan irama dan rentak lagu yang kurang menyemarakkan semangat juang penikmatnya, khususnya dalam kalangan anak watan Patani sendiri. Walau bagaimanapun, mereka tetap berjaya mencuit simpati khalayak dan juga berhasil meniup semangat juang masyarakat pinggir yang disekat kemahuannya untuk berkerajaan sendiri melalui paparan video yang begitu mengesankan itu.

Betapa pun keadaannya lagu perjuangan mereka, tetap ada juga paparan video dalam youtube yang bagus liriknya, enak lagunya dan baik pula susunan muziknya. Misalnya lagu “Patani Merdeka” seperti yang dipaparkan di bawah:

Penindasan terhadap Muslim terus terjadi  
menambah kebenaran terhadap firman Ilahi  
penyiksaan dan pembantaian sepanjang hari  
dasar Yahudi laknat tak mempunyai hati  
kubu terkoyak jeritan tangis mengiringi  
kalimat takbir dan tahlil yang mengubati

(<http://www.YouTube.com/watch?v=rUe3P5ChmZw>)

Pilihan diksi dalam lirik di atas mampu menggambarkan suatu kisah yang jelas tentang penderitaan masyarakat Melayu-Islam Patani yang diseksa dan diserang oleh penjajah Siam. Penjajah diumpamakan mereka sebagai “Yahudi laknat” yang tidak mempunyai belas ihsan. Tempat pertahanan orang Muslim diterobosi penjajah hingga ramai yang cedera dan mati. Kesemua penderitaan masyarakat pinggir dalam memperjuangkan kerajaan Melayu-Islam Patani Darussalam ini hanya terubat melalui kalimah takbir dan tahlil. Sikap kembali kepada Tuhan dan agama

ini menjadi salah satu senjata terkuat masyarakat Patani dalam menentang segala bentuk autoriti penjajah Siam terhadap mereka.

Pada dasarnya, lagu ini memperlihatkan kesatuan diksi yang baik dan dialunkan pula melalui irama dan rentak lagu kebangsaan Patani yang digubah oleh individu yang mahir dalam bidang muzik untuk dijadikan sebagai lagu kebangsaan atau lagu patriotik Patani. Kajian menemukan bahawa lagu ini digubah oleh seseorang yang menamakan dirinya sebagai “Independence Patani” (<https://www.YouTube.com/watch?v=wqjJ-jm5tbs>). Namun begitu, video lagu ini yang dimuat naik dalam laman sosial youtube kelihatan amat berbeza sekali dengan paparan lagu kebangsaan yang dimuat naik oleh sesiapa pun dari mana-mana negara yang bebas, berdaulat dan merdeka. Hal ini demikian kerana di negara merdeka, lagu kebangsaan yang dimuat naik selalunya berlatarbelakangkan gambar yang membanggakan, misalnya gambar raja, perdana menteri, ataupun para perajurit negara yang berkawad dengan diiringi kereta kebal yang megah sebagai lambang kekuatan dan keamanan negara. Akan tetapi gambaran yang sebaliknya wujud dalam video lagu kebangsaan “Patani Merdeka” ini apabila elemen visual yang menjadi latarnya ialah gambar masyarakat Melayu-Islam Patani yang ditangkap penjajahnya, mayat-mayat yang bergelimpangan dan kekecaian, dan pelbagai gambar lain yang memilukan. Gambar seumpama inilah yang menyebabkan lagu dan lirik yang dimuat naik oleh pejuang Melayu-Islam Patani ini mendapat perhatian ramai dan mampu meraih ramai khalayak untuk menjadi pengikut kepada laman sosial mereka.

Selain itu, sebuah lagi lirik dan lagu yang bagus yang dimuatkan dalam youtube ialah lagu yang berjudul “Bangunlah Patani” yang tidak diketahui siapa penulis lirik dan pencipta lagunya, tetapi telah dimuat naik berkali-kali oleh beberapa orang seperti “Anak Patani”, “Human Right’04”, “Visionnusan”, “West Patani”, dan beberapa yang lain lagi. Lirik lagu ini bersandarkan sejarah kegemilangan bangsa dan negara Patani Darussalam dahulu dalam jagat raya Melayu sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat perdagangan yang terbilang. Oleh itu, dalam lirik lagu ini ditiupkan semangat juang kepada masyarakat Melayu-Islam Patani supaya “bangkit ... bagai harimau dan beruang” (rangkap 2, baris 1). Mereka disarankan supaya tidak takut akan pihak pusat dengan segala kekuatan ketenteraannya kerana bagi mereka “penjajah orang, kita pun orang/ kekuatan kita apalah kurang”. Lirik penuh lagu ini adalah seperti yang berikut:

Bangunlah, bangunlah, kita berjuang  
 bangunlah sebelum melepas peluang  
 muda dan mudi, adik dan abang

pintu merdeka kejarlah sekarang  
Bangkitlah, bangkitlah, bagai harimau dan beruang  
tuntutan pusaka tidak boleh dilarang  
penjajah orang, kita pun orang  
kekuatan kita apalah kurang

Agar kemerdekaan cepat disandang  
sebelum subuh datang menjelang  
tidakkah kita bangsa terbilang?  
bangsa yang tidak pernah kecundang

(<http://www.YouTube.com/watch?v=bQghGsHcS9o>)

Menurut Afifuddin Abu Hassan, (temu bual pada 30 Mac 2014, jam 2.30 petang di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang), lirik lagu ini telah dialunkan dalam irama patriotik dengan rentak disko pancaragam. Rentak lagu yang penuh semangat ini menjadi lebih menarik dan berkesan kerana liriknya dibauri dengan diksi simbolik seperti “harimau” sebagai imej kekuatan bangsa Melayu, dan “subuh” sebagai lambang harapan yang cerah untuk memperoleh kembali kemerdekaan untuk tanah air mereka.

Sebenarnya, terdapat banyak sekali lirik dan lagu perjuangan masyarakat Patani ini, namun hanya empat buah lirik dan lagu seperti yang dibincangkan di atas yang dipilih untuk diperkatakan dalam makalah ini. Rata-rata lirik dan lagu yang lain adalah lebih kurang sama sahaja maksud, bentuk dan tujuannya. Oleh sebab itulah, dalam pengenalan kepada lagu “Seruan Perwira”, seorang pejuang Melayu-Islam Patani bernama Mansor Tukululuni dari Patani menyimpulkan bahawa lagu-lagu yang mereka muat naik ke dalam youtube merupakan suatu pernyataan jihad mereka kepada bangsa, negara dan agama yang tercinta. Jika mereka mati dalam berjuang menentang penjajah mereka itu, maka mereka mati syahid. Kata-katanya itu dicatatkan sebagai berikut:

Lagu ini sebagai tanda kesedihan dalam jiwa para pejuang yg menyeru kita untuk memijak langkah-langkah yang pernah mereka pijak dahulu ketika mereka masih bernyawa. Dalam bayangan syahid mereka memberi kita amaran bahawa merdeka bukanlah boleh dinilai dengan uang, tapi hanya dengan nyawa dan jiwa berkobar-

kobar yang mampu dibayar untuk meraihnya. Mereka syahid dihujani peluru hina, waktu itu seperti mereka berkata-kata kepada kita semua, “Inilah perjuangan wahai anak muda ... Sebutkan kesanggupanmu, yakinkan langkahmu, dan realisasikan janjimu pada kami, pada bangsamu, pada negaramu, dan pada agamamu ...”

(<http://www.YouTube.com/watch?v=2dWVMcPOYYw>)

## **KESIMPULAN**

Perbincangan tentang lirik dan lagu perjuangan masyarakat Melayu-Islam Patani dalam makalah ini jelas memperlihatkan suara hati mereka yang menolak segala bentuk penguasaan autoriti dan hegemoni pemerintah Siam terhadap mereka. Dalam lirik dan lagu yang mereka cipta, masyarakat pejuang Melayu-Islam Patani ini telah menyuarakan dengan jelas kepada penjajah mereka yang berpusat di Bangkok itu bahawa mereka tidak takut akan kematian, asalkan mereka dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara yang mereka cintai. Lebih daripada itu, jika mereka ditakdirkan mati dalam perjuangan menentang penjajah Siam itu, maka mereka akan beroleh syahid, iaitu kematian yang dijanjikan syurga oleh Allah SWT. Oleh itu mereka perlu melawan, baik dengan menggunakan senjata ataupun dengan menggunakan kata-kata dalam lirik yang dialunkan sebagai lagu untuk menggerakkan perjuangan bagi memperoleh kembali negara mereka yang pernah suatu masa begitu hebat dan gemilang. Mereka yakin bahawa mereka mampu beroleh kemerdekaan yang diimpikan itu kerana kudrat manusia semuanya sama. Bagi mereka, harapan untuk mendapatkan semula tanah air dan negara mereka daripada tangan kerajaan Siam itu bukanlah sesuatu yang mustahil. Hal inilah yang membuatkan mereka berani menolak segala bentuk legitimasi pemerintah Siam, malah menyanggah setiap kaedah penguasaan autoriti orang berkuasa seperti yang terkandung dalam teori Weber itu.

Perbincangan di atas juga telah memperlihatkan bahawa dengan adanya media baharu atau media sosial seperti facebook, youtube dan blog, usaha mereka untuk membangkitkan semangat juang orang Melayu Patani di mana-mana pun mereka berada menjadi semakin berkesan. Media baharu ini juga membantu mereka mengumpulkan penyokong seramai mungkin dengan cepat, di samping membantu mereka meraih simpati daripada orang yang mengerti akan perjuangan mereka dari seluruh pelosok dunia. Semangat mereka ini tidak mungkin pudar andai kata generasi baharu anak watan Patani dapat ditambat hatinya untuk memahami kebenaran bahawa Patani Darussalam dahulunya ialah tanah merdeka yang gemilang milik

nenek moyang mereka. Hal ini menunjukkan bahawa dengan semangat juang yang kental, konsep hegemoni pusat oleh yang menjajah terhadap pinggir, seperti yang disarankan oleh Weber itu, pasti boleh diterbalikkan.

## RUJUKAN

- Ahmad Omar Chapakia, 2000. *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Alor Setar: Pustaka Darul Salam dan RMI Multimedia.
- “Bangunlah Patani” dlm. <http://www.YouTube.com/watch?v=bQghGsHcS9o> (Capaian 21 Februari 2014).
- “Bunga Fathoni” dlm. [http://www.YouTube.com/watch?v=ITw\\_CIYR3d0](http://www.YouTube.com/watch?v=ITw_CIYR3d0) (Capaian 21 Februari 2014).
- Barthold, W.W., 2003. *History of Civilizations of Central Asia: Development in Contrast – from the Sixteenth to the Mid-nineteenth Century*. Edited in English by Jana Gough. Turin, Italy: UNESCO Publishing.
- Chamola, S.D., 2007. *Kautilya Arthshastra and the Science of Management: Relevance for the Contemporary Society*. New Delhi: Hope India Publications.
- Cook, Nicholas, 1998. *Music-A Brief Insight*. New York: Sterling Publishing Co., Inc.
- Cusack, Carole dan Norman, Alex (ed.), 2012. *Handbook of New Religions and Cultural Production*. Leiden: Publisher BRILL.
- Eisenstadt, S.N., 1968. *Max Weber on Charisma and Institution Building*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Fineman, S., Sims, D., dan Gabriel, Y., 2005. *Organizing & Organizations: An Introduction*. London: SAGE Publications Ltd.
- Hasanudin Daud, 2007. “Patani Dahulu dan Sekarang” dlm. Nik Anuar Nik Mahmud dan Mohd Zamberi A. Malek. (ed.). *Tamadun dan Sosio-politik Melayu Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- “Impian Patani” dlm. <http://www.YouTube.com/watch?v=hkq0p0lko-Y> (Capaian 21 Februari 2014).
- “Independence Patani” dlm. <https://www.YouTube.com/watch?v=wqjJ-jm5tbs> (Capaian 21 Februari 2014).
- Khan, Inayat, 2012. *Handbook of New Religions and Cultural Production*. Editor Carole Cusack & Alex Norman. Leiden: Brill Academic Publisher.
- Mansor Tukululuni. “Seruan Perwira” dlm. <http://www.YouTube.com/watch?v=2dWVMcPOYYw> (Capaian 8 Oktober 2013).
- McGregor, Douglas, 2007. “From McGregor’s Theory X and Theory Y to Participate Management (Particularly in Performance Appraisal)” dlm. John B. Miner. *Organizational Behavior 4: From Theory to Practise*. New York: M.E. Sharpe.
- Mohd Zamberi A. Malek, 2006. *Pensejarahan Patani*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mohd Zamberi A. Malek, 2007. "Patani Kesenambungan Langkasuka" dlm. Nik Anuar Nik Mahmud dan Mohd Zamberi A. Malek (ed.). *Tamadun dan Sosio-Politik Melayu Patani*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Muqollid, 2009. "Sejarah Perjuangan Islam Patani" dlm. <http://satuqiblah.blogspot.com/2009/11/sejarah-perjuangan-islam-pattani.html> ((Capaian 21 Februari 2014).
- Nik Anuar Nik Mahmud dan Mohd Zamberi A. Malek (ed.), 2007. *Tamadun dan Sosio-Politik Melayu Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Anuar Nik Mahmud, 2006. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud, 2011. *Mencari Pendamaian di Asia Tenggara: Merungkai Konflik di Selatan Thailand*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- "Patani kini tuntutan rakyat" dlm. <https://www.facebook.com/ahlam.hafiza?fref=ts> (Capaian 21 Februari 2014.)
- "Patani Merdeka" dlm. <http://www.YouTube.com/watch?v=rUe3P5ChmZw> (Capaian 21 Februari 2014).
- Rahimah A. Hamid, 2010. *Fiksyen Pascakolonial: Yang Menjajah dan Dijajah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Scott, W. R., 2003. *Organizations: Rational, Natural, and Open Systems*. 5th ed. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Temu bual antara pengkaji dengan Afifuddin Abu Hassan, pemuzik Akademi Seni dan Warisan Negara (ASWARA) di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada pukul 2.30 petang, 30 Mac 2014.
- Temu bual antara pengkaji dengan Tuan Tuwaedaniya Meringing di Hotel Park View Pattani, Thailand pada pukul 10.30 pagi, 26 Julai 2013. Tuan Tuwaedaniya Meringing ialah wartawan bebas di Thailand.
- Temu bual antara pengkaji dengan Tuan Wan Muhammad, di kediamannya, Pondok Padang Ru, Yala, Thailand pada pukul 3.30 petang, 23 Julai 2013. Tuan Wan Muhammad ialah pemilik dan pengetua Pondok Padang Ru.
- Tolbert, Pamela S. dan Hall, Richard H., 2009. *Organizations: Structures, Processes, and Outcomes*. London: Pearson Prentice Hall.
- Weber, Max, 1968. "The Heritage of Sociology" dlm. Morris Jonowitz (ed.). *On Charisma and Institution Building*. New York: University of Chicago Press.